

09/06/1997

BN hanya pilih calon bersih (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

AYER HITAM (Kedah), Ahad - Semua wakil rakyat yang terbabit dalam rasuah dan penyelewengan tidak akan dipertimbangkan sebagai calon pada pilihan raya akan datang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pemangku Perdana Menteri berkata, hanya pemimpin yang bersih saja akan diberi peluang bertanding sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) atau dipilih memegang jawatan dalam parti.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas membersihkan negara daripada rasuah dan penyelewengan di semua peringkat, termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) dan kakitangan serta pegawai kerajaan.

Anwar berkata, kerajaan tidak boleh bertolak ansur mengenai rasuah dan penyelewengan selepas pelbagai amaran dan ingatan dikeluarkan termasuk dalam perhimpunan agung Umno.

Menurutnya, sebelum bercuti, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpesan supaya beliau bertindak tegas menangani masalah berkenaan dan tidak bertolak ansur terhadap mereka terbabit tanpa mengira kedudukan.

"Baik pemimpin besar, pemimpin Umno, pemimpin parti komponen, pegawai tinggi kerajaan akan dikenakan tindakan.

"Kita mulai dari atas dulu. Kalau di bawah yang ambil RM30 sahaja dikenakan tindakan dan yang ambil dua tiga ratus ribu atau juta kita lepas, orang tidak akan sokong kita," katanya pada majlis pecah tanah bangunan Umno bahagian Jerlun, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Ketua Umno bahagian dan Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Hanafi Ramli.

Anwar berkata, ada sesetengah pemimpin bertanya habuan yang bakal mereka terima apabila diserahkan jawatan dan bukan bertanya langkah yang perlu mereka lakukan untuk menjaga kepentingan rakyat dan membela nasib mereka.

Justeru, usaha membanteras rasuah dan penyelewengan perlu dimulakan dengan pembersihan dalam Umno terlebih dahulu sesuai dengan kedudukannya sebagai tunjang kerajaan.

Menurutnya, Umno perlu dibersihkan daripada pemimpin yang mempunyai kepentingan dan memegang jawatan untuk mengaut keuntungan diri dan saudara-mara mereka sebelum dicontohi parti komponen lain serta pegawai kerajaan.

"Kalau kita nak ambil tindakan pembersihan, yang mesti pimpin ialah Umno kerana ia adalah tunjang parti.

"Apa makna kita seru kepada masyarakat ke arah kebaikan jika pimpinan kita tidak dipercayai. Justeru, kalau nak kekal wakil rakyat atau pegang jawatan perlu kena rajin bertugas dan jaga supaya bersih daripada rasuah dan penyelewengan.

"Turun ke kampung dan selesaikan masalah orang kampung. Kalau tak buat maka tak selamat kedudukan sebagai wakil rakyat akan datang," katanya.

Berikutan itu, Anwar berharap ahli Umno faham dengan usaha membersihkan parti itu untuk dijadikan contoh oleh pegawai kerajaan serta parti komponen lain.

"Selepas itu pegawai kerajaan, pimpinan komponen BN lain harus ingat bahawa Umno dan kerajaan ini bukan gelanggang untuk orang atau tokoh tertentu buat sesuka hati," katanya.

Anwar juga meminta pemimpin yang ada kepentingan, bekerja hanya untuk diri dan keluarganya sahaja serta mahu mengaut kekayaan berlebihan supaya berhenti daripada jawatan dan menumpukan perhatian dalam bidang

perniagaan.

Menurutnya, mereka adalah golongan yang sudah lupa terhadap kesusahan orang terdahulu dan seronok dengan kesenangan sehingga timbul perasaan untuk menikmati kesenangan semata-mata.

"Yang timbul ialah semangat untuk menjadi kaya dan tidak peduli mengenai perjuangan. Akibatnya mereka gunakan kuasa untuk punggah kekayaan. Dapat tanah ambil untuk dia, balak untuk suku sakat dia dan saham untuk kepentingan mereka sehingga barah rasuah menjadi penyakit," katanya.

Anwar kemudian meninjau projek bersepadu ternakan udang harimau di Kerpan di sini dan memulakan kerja memungut hasil untuk tahun ini.

Beliau diberi taklimat mengenai projek itu oleh Pengerusi Samak Aquaculture Sdn Bhd (Samak) Datuk Hanafi Ramli.

Dalam keadaan hujan rintik-rintik, Anwar menggunakan alat penyauk untuk memulakan kerja memungut udang harimau dari sebuah kolam di projek itu.

Pungutan itu merupakan kutipan hasil pertama pada tahun ini. Ugang yang terdapat di kolam itu dijangka dapat dipungut sepenuhnya bulan depan.

(END)